



**KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA  
MALAYSIA**

**PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 11 TAHUN 1995  
IMBUHAN TAHUNAN 1995 BAGI PEGAWAI SEKTOR AWAM**

**TUJUAN**

1. Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan untuk :
  - 1.1 memaklumkan keputusan Kerajaan memberi Imbuhan Tahunan kepada pegawai sektor awam pada tahun 1995; dan
  - 1.2 menetapkan kaedah pelaksanaannya.

**LATAR BELAKANG.**

2. Kerajaan telah membuat keputusan supaya Imbuhan Tahunan bagi tahun 1995 dibayar kepada pegawai sektor awam. Pembayaran ini adalah sebagai penghargaan Kerajaan terhadap sumbangan pegawai sektor awam yang telah bergabung tenaga meningkatkan produktiviti dan memberi sumbangan terhadap pembangunan negara.

3. Imbuan Tahunan tahun 1995 dibayar secara penuh mengikut kadar satu (1) bulan gaji tertakluk kepada had minimum RM600.00 atau secara *proportionate*.

## **PELAKSANAAN**

### **Pegawai Yang Layak**

4. Pegawai sektor awam yang berkhidmat dalam tahun 1995 yang mana majikan mereka adalah Kerajaan dan sebahagian atau sepenuhnya peruntukan bagi pembayaran gaji dan elaun datangnya dari peruntukan Kerajaan adalah layak menerima Imbuan Tahunan. Kategori pegawai yang layak adalah seperti berikut :

- 4.1 pegawai bertaraf tetap, sementara, sambilan, kontrak, (termasuk pegawai kontrak bagi projek khas Kerajaan), sangkut dan guru sandaran yang memilih Sistem Saraan Baru ataupun yang kekal atas syarat-syarat perkhidmatan Jawatankuasa Kabinet 1976;
- 4.2 pegawai yang bersara wajib atau bersara pilihan sendiri sama ada memilih skim pencen atau Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP);
- 4.3 pegawai yang meninggal dunia (Imbuan Tahunan dibayar kepada waris yang sah) ;
- 4.4 pegawai yang dikenakan hukuman tatatertib seperti berikut :
  - (i) amaran untuk pegawai awam;

- (ii) amaran atau amaran keras untuk anggota Angkatan Tentera Malaysia; dan
  - (iii) amaran untuk Pegawai Kanan Polis, Polis DiRaja Malaysia dan celaan atau celaan keras untuk Pegawai Rendah Polis dan Konstabel serta Pegawai Rendah Polis dan Konstabel Tambahan.
- 4.5 pegawai kontrak yang putus perkhidmatannya selama 1 hari sebelum disambung semula perkhidmatan kontraknya; dan
- 4.6 pegawai yang cuti bergaji penuh atau separuh gaji.

### **Pegawai Yang Tidak Layak**

5. Pegawai yang berkhidmat dalam tahun 1995 tetapi tidak layak menerima Imbuhan Tahunan ini adalah seperti berikut::

- 5.1 pegawai di dalam agensi-agensi yang telah diasingkan pengurusan saraannya daripada saraan sektor awam;
- 5.2 pegawai yang mengambil cuti tanpa gaji di sepanjang tempoh 1995;
- 5.3 pegawai yang dikenakan hukuman tatatertib selain daripada hukuman-hukuman yang dinyatakan di perenggan 4.4.(i), (ii) dan (iii); dan
- 5.4 pegawai yang dilantik mulai 2 Oktober 1995 atau perkhidmatannya dalam tahun 1995 tidak genap satu bulan pada tarikh 31 Oktober 1995.
- 5.5 pegawai yang mana majikan mereka adalah bukan Kerajaan dan

gaji/elaun tidak dibayar dari peruntukan Kerajaan seperti yang berkhidmat/dipinjamkan dengan agensi-agensi antarabangsa/swasta di sepanjang tahun 1995.

5.6 pegawai yang bersara sebelum 1995.

5.7 pegawai yang berada atas Gred Jawatan Utama dan Gred Khas sama ada secara hakiki, memangku atau dipinjamkan dan pegawai kontrak yang bergaji lebih daripada RM4,830 yang dianggap setaraf dengan gred jawatan utama atau gred khas.

5.8 pegawai yang ditamatkan perkhidmatan demi kepentingan awam atau dibersarakan atas kepentingan perkhidmatan awam dalam tahun 1995.

### **Pegawai Yang Ditangguhkan Pemberian Imbuhan Tahun Pemberian**

6. Pegawai yang ditahan kerja, digantung kerja atau surat pertuduhan telah dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Tatatertib **ditangguhkan** pemberian Imbuhan Tahunannya. Pegawai hanya layak dibayar Imbuhan Tahunan sekiranya Pihak Berkuasa Tatatertib mendapati pegawai tersebut tidak bersalah atau pegawai hanya dikenakan hukuman tatatertib seperti yang dinyatakan di perenggan 4.4(i), (ii) dan (iii).

### **Perkiraan Imbuhan Tahunan**

7. Imbuhan Tahunan adalah dikira berdasarkan gaji pokok pegawai pada bulan Oktober 1995. Pegawai yang tidak lagi berkhidmat pada 31 Oktober 1995, atau

tidak genap 12 bulan perkhidmatan dalam tahun 1995, bayaran Imbuan Tahunan adalah dikira secara *proportionate* berdasarkan gaji pokok terakhir.

8. Imbuan Tahunan dibayar mengikut genap satu (1) bulan perkhidmatan seperti berikut :

8.1 bayaran penuh sebanyak satu (1) bulan gaji tertakluk kepada had minimum RM600.00.

8.2 bayaran secara *proportionate* berasaskan kepada genap satu bulan perkhidmatan. Perkiraan Imbuan Tahunan adalah mengikut formula seperti berikut:

$$(i) \quad \frac{\text{Jumlah Genap Bulan Perkhidmatan}}{12 \text{ bulan}} \times \text{Gaji */Elaun** Sebulan}$$

tidak termasuk elaun dan Imbuan Tetap seperti

\* keraian, perumahan, khidmat awam, elaun memangku dan lain-lain.

elaun bulanan yang dianggap sebagai gaji bulanan

\*\* pegawai tetapi tidak termasuk elaun-elaun seperti di atas.

**atau**

(ii) Pegawai yang bergaji RM600.00

dan kurang :

Jumlah Genap Bulan

Perkhidmatan

----- X RM600.00  
12 bulan

9. Bayaran secara *proportionate* adalah dibuat dalam keadaan di mana pegawai tidak berkhidmat sepenuhnya di sepanjang tahun 1995. Contohnya adalah seperti berikut:

9.1 pegawai yang dilantik dalam tahun 1995;

9.2 pegawai yang bercuti tanpa gaji;

9.3 pegawai yang bertugas di agensi Kerajaan sebelum keadaan-keadaan berikut :-

(i) agensi tersebut diswastakan;

(ii) pegawai dipinjamkan untuk berkhidmat di syarikat swasta atau badan swasta; dan

(iii) pegawai yang dipinjamkan kepada badan antarabangsa seperti APDC, UNESCO dan lain-lain.

10. Pegawai tetap yang bersara atau yang meninggal dunia sebelum bulan

Oktober 1995, dibayar Imbuhan Tahunan secara *proportionate* mengikut genap satu bulan perkhidmatan berasaskan kepada gaji pokok terakhir.

11. Pegawai yang bersara dalam tahun 1995 iaitu pada atau sebelum Oktober 1995 badan dilantik semula sebagai pegawai sementara atau pegawai kontrak dibayar Imbuhan Tahunan berasaskan kepada gaji pokok terakhir sebelum bersara.

12. Pegawai yang dipinjamkan ke mana-mana agensi sektor awam, dibayar Imbuhan Tahunan berasaskan kepada gaji pokok semasa berada dalam jawatan pinjaman tersebut.

13. Bagi pegawai sambilan, perkiraan genap satu bulan perkhidmatan adalah dengan syarat mereka bekerja tidak kurang daripada 21 hari dalam sebulan.

14. Bayaran Imbuhan Tahunan kepada guru kelas Al-Quran dan Fardu Ain (KAFA) ditetapkan pada kadar tetap sebanyak RM150.00 bagi mereka yang genap 12 bulan perkhidmatan. Pegawai yang tidak berkhidmat pada 31hb. Oktober 1995 atau tidak genap perkhidmatan dalam tahun 1995, bayaran imbuhan adalah dikira secara *proportionate*.

15. Contoh perkiraan Imbuhan Tahunan adalah seperti di [Lampiran A](#).


## **Jabatan Yang Membayar Imbuhan Tahunan**

16. Pembayaran **keseluruhan** Imbuhan Tahunan adalah menjadi tanggungan Jabatan/Agensi di mana pegawai ditempatkan pada 31 Oktober 1995 walaupun pegawai baru bertugas di Jabatan/Agensi tersebut.

## **Pemakaian**

17. Tertakluk kepada penerimaannya oleh Pihak Berkuasa masing-masing, peruntukan Pekeliling Perkhidmatan ini dipanjangkan kepada Perkhidmatan-perkhidmatan Negeri, Badan-Badan Berkanun dan Kuasa-Kuasa Tempatan.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

A handwritten signature in black ink, appearing to read 'Mahmud Bin Taib', is written above a solid horizontal line.

**(TAN SRI DATO' MAHMUD BIN TAIB)**

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam

Malaysia

13 November 1995.

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

**s.k:**

Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri

Semua Ketua Pengurusan Badan Berkanun

Semua Ketua Pengurusan Kuasa Tempatan

CONTOH PERKIRAAN IMBUHAN TAHUNAN

1. Pegawai Yang Dilantik Dalam Tahun 1995

(a) Pegawai yang dilantik pada 1 Julai 1995, bayaran Imbuan Tahunan adalah dikira mengikut tempoh 6 bulan perkhidmatannya pada tahun 1995.

( $6/12 \times$  gaji pokok **atau**  $6/12 \times$  RM600.00).

(Imbuan Tahunan yang dia layak adalah tidak tertakluk kepada had minimum RM600.00).

(b) Pegawai yang dilantik pada 1 Oktober 1995, bayaran Imbuan Tahunan adalah dikira mengikut tempoh 3 bulan perkhidmatannya pada tahun 1995.

( $3/12 \times$  gaji pokok **atau**  $3/12 \times$  RM600.00)

(Imbuan Tahunan yang dia layak adalah tidak tertakluk kepada had minimum RM600.00).

## 2. Pegawai Yang Bercuti Tanpa Gaji

- (a) Pegawai yang bercuti tanpa gaji sepanjang tahun 1995 tidak layak diberi Imbuhan Tahunan;
- (b) Pegawai yang bercuti tanpa gaji pada mana-mana tempoh dalam tahun 1995, bayaran Imbuhan Tahunan adalah dikira secara *proportionate* berasaskan genap satu bulan perkhidmatan. Imbuhan Tahunan yang dia layak adalah tidak tertakluk kepada had minimum **RM600.00**. Perkiraan adalah seperti berikut :

Jika pegawai bercuti tanpa gaji pada bulan Januari sehingga 15 Mac 1995, perkiraan Imbuhan Tahunan adalah  $9/12 \times$  gaji pokok atau  $9/12 \times$  RM600.00 bagi pegawai yang bergaji RM600.00 dan ke bawah.

- (i) jika gaji RM1,000.00:  $9/12 \times$  RM1000.00 = RM750.00.

Imbuhan Tahunan yang dia layak ialah RM750.00.

- (ii) jika gaji RM650.00 :  $9/12 \times$  RM650.00 = RM487.50

Imbuhan Tahunan yang dia layak ialah RM487.50.

- (iii) jika gaji RM595.00 :  $9/12 \times$  RM600.00 = RM450.00

Imbuhan Tahunan yang dia layak ialah RM450.00.

## Pegawai Yang Cuti Berkursus

- 3. Pegawai yang cuti berkursus bergaji penuh melebihi 6 bulan dalam tahun 1995, diberi pergerakan gaji secara isyarat. Perkiraan Imbuhan Tahunan adalah seperti berikut :

- (a) gaji pegawai semasa berkursus adalah RM1,400.00 dan apabila berlaku pergerakan gaji, pegawai sepatutnya menerima RM1,465.00. Bagaimanapun pegawai hanya menerima RM1,400.00 sahaja kerana pergerakan gajinya diberi secara isyarat. Imbuan Tahunan yang dia layak ialah RM1,400.00;
- (b) gaji pegawai semasa berkursus adalah RM595.00 dan apabila berlaku pergerakan gaji, pegawai sepatutnya menerima RM610.00. Bagaimanapun pegawai hanya menerima RM595.00 sahaja kerana pergerakan gajinya diberi secara isyarat. Imbuan Tahunan yang dia layak ialah sebanyak RM600.00;

Contoh adalah seperti berikut :

<b>Gaji Pokok</b>	<b>(Gaji Isyarat)</b>	<b>Gaji Semasa Berkursus (Oktober 1995)</b>	<b>Imbuan Tahunan</b>
<b>(RM)</b>	<b>(RM)</b>	<b>(RM)</b>	<b>(RM)</b>
(a) 1400	(1465)	1400	1400
(b) 595	(610)	595	600

#### **Pegawai Yang Bercuti Separuh Gaji**

4. Bagi pegawai yang bercuti separuh gaji, bayaran Imbuan Tahunan adalah dikira secara *proportionate*. Di bawah perenggan 77 di dalam [Pekeliling Perkhidmatan Bil. 9 Tahun 1991](#), pegawai yang bercuti separuh gaji melebihi

180 hari dalam satu tahun kelender adalah tidak layak mendapat pergerakan gaji tahunan.

(a) Jika pegawai bercuti separuh gaji mulai 1 Oktober 1995 perkiraan Imbuhan Tahunan bagi gaji pegawai sebanyak RM1,000.00 adalah seperti berikut :

(i) Januari hingga September dikira di atas gaji RM1,000.00.

$$9/12 \times \text{RM}1,000.00 = \text{RM}750.00$$

(ii) Oktober hingga Disember dikira di atas separuh gaji tertakluk kepada had minimum RM600.00.

$$3/12 \times \text{RM}600.00 = \text{RM}150.00$$

Imbuhan Tahunan yang dia layak ialah RM900.00

$$(\text{RM}750.00 + \text{RM}150.00).$$

(b) Jika pegawai bercuti separuh gaji dalam sesuatu bulan, Imbuhan Tahunan adalah dikira atas separuh gaji bagi bulan tersebut. Jika pegawai bercuti separuh gaji selama 6 hari pada bulan Julai, 10 hari pada bulan Ogos dan 5 hari pada bulan September, perkiraan Imbuhan Tahunan bagi gaji pegawai sebanyak RM610.00 adalah seperti berikut :

$$9/12 \times \text{RM}610.00 = \text{RM}457.50$$

$$3/12 \times \text{RM}600.00 = \text{RM}150.00$$

Imbuhan Tahunan yang dia layak adalah **RM607.50**.

## **Pegawai Kontrak Yang Putus Perkhidmatan Melebihi Satu (1) Hari Sebelum Disambung Semula Kontraknya**

5. Pegawai kontrak yang terputus perkhidmatan melebihi satu hari dalam sesuatu bulan sebelum disambung semula kontraknya adalah tidak layak diberi Imbuhan Tahunan bagi **bulan yang terputus** kontraknya itu.

## **Pegawai Yang Dikenakan Hukuman Tatatertib**

6. Pegawai yang dikenakan hukuman tatatertib selain daripada hukuman-hukuman yang dinyatakan di perenggan 4.4 tidak layak dibayar Imbuhan Tahunan. Contoh-contoh adalah seperti berikut :

- (a) hukuman tatatertib tersebut jatuh pada tahun 1995 walaupun kesalahan dilakukan sebelum tahun 1995. Pegawai tidak layak dibayar Imbuhan Tahunan 1995. Sekiranya pegawai telah dibayar Imbuhan Tahunan 1995 dan pada bulan Disember 1995 dikenakan hukuman tatatertib, Imbuhan Tahunan yang telah dibayar hendaklah dikutip balik.
- (b) pegawai yang ditangguhkan pembayaran Imbuhan Tahunan.

Contohnya :

- (i) Pegawai A ditangguhkan bayaran Imbuhan Tahunannya pada tahun 1994. Dalam tahun 1995 pegawai dikenakan hukuman amaran sahaja. Pegawai layak dibayar Imbuhan Tahunan pada tahun 1994 dan 1995;

- (ii) Pegawai B ditangguhkan bayaran Imbuhan Tahunan pada tahun 1994. Dalam tahun 1995 pegawai dikenakan hukuman denda. Pegawai tidak layak dibayar Imbuhan Tahunan pada tahun 1995 tetapi layak dibayar Imbuhan Tahunan bagi tahun 1994.

### **Pegawai Sambilan**

7. Bagi pegawai sambilan, perkiraan genap satu bulan perkhidmatan adalah dengan syarat mereka bekerja tidak kurang dari 21 hari dalam sebulan. Contoh perkiraan adalah seperti berikut :

- (a) Pegawai dibayar gaji RM26.40 sehari dan bekerja lebih 21 hari sebulan selama 3 bulan.

Bulan 1: 24 hari x RM26.40	=	
		RM633.60
Bulan 2: 26 hari x RM26.40	=	
		RM686.40
Bulan 3: 23 hari x RM26.40	=	
		RM607.20
Jumlah untuk 3 bulan	= RM	1927.20
Jumlah untuk 1 bulan	= RM	1927.20 ÷
		3 =
		<b>RM642.40</b>

Pegawai layak Imbuan Tahunan sebanyak **RM160.60**

(3/12 x RM642.40).

(b) Pegawai dibayar gaji RM26.40 sehari dan bekerja lebih 21 hari sebulan selama 4 bulan dan perkiraan gaji sebulannya adalah kurang daripada **RM600.00**.

Bulan 1: 21 hari x RM26.40 = RM554.40

Bulan 2: 22 hari x RM26.40 = RM580.80

Bulan 3: 23 hari x RM26.40 = RM507.20

Bulan 4: 24 hari x RM26.40 = RM633.60

Jumlah untuk 4 bulan = RM2376.00

Jumlah untuk 1 bulan = RM2376.00 ÷ 4 = **RM594.00**

Pegawai layak Imbuan Tahunan sebanyak RM200.00

(4/12 x **RM600.00**).

### **Guru KAFA**

8. Bagi guru KAFA\* yang dilantik pada 1.3.95 bayaran imbuan tahunan adalah seperti berikut :-

Genap Bulan Perkhidmatan

-----

12 bulan

X RM150.00

10

----

12

$$X \quad 150 = 125.00$$

\* (Guru-guru yang tidak mempunyai jawatan tetap dan guru berpencen yang mengajar di kelas KAFA).